

RESEARCH ARTICLE

KEBERKESANAN PROGRAM PENDIDIKAN KAFA DALAM PEMBANGUNAN ADAB DAN KEROHANIAN MURID: KAJIAN DI DAERAH KUANTAN

(The Effectiveness of the KAFA Education Program in the Development of Student's Manners and Spirituality: Study in Kuantan District)

Nuruddin Zanki Hamzah, Mohd Suhardi Mat Jusoh, Atikah Ade Hamzah

Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang, Malaysia

ABSTRACT - The implementation of al-Quran and Fardhu Ain Classes (KAFA) has been implemented since 1990 and is managed by the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM) in collaboration with the Malaysian Ministry of Education and State Governments in each state. The objective of its implementation is to solve the problem of the students' inability to read the Qur'an, to master the basic matters of fardhu ain as well as the development of the students' manners. Even though KAFA classes have been implemented for a long time, the effectiveness aspect of its implementation still raises questions among parents, namely the extent to which KAFA students can read the al-Quran well, practice the teachings of the al-Quran, and the requirements of fardhu ain consistently and cultivate Islamic manners in daily life. Accordingly, this study wants to identify the elements of moral development and the spiritual values of the students, the form of the spiritual program implemented as well as the factors that hinder the effectiveness of the KAFA program in the aspect of moral, and spiritual development of the students. Specifically, this study uses a qualitative research method, that is, preliminary research data is obtained by analyzing the findings of previous studies to develop the theoretical framework of this study. The preliminary findings of this study show that there are three main factors in determining the effectiveness of the KAFA education program among students, namely the emphasis on the development of manners and spiritual values, the spiritual program is implemented consistently, and the commitment of KAFA teachers in developing the character of KAFA students.

ABSTRAK - Perlaksanaan Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dilaksanakan bermula tahun 1990 yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kerajaan Negeri. Objektif perlaksanaannya adalah untuk menyelesaikan masalah ketidakmampuan murid-murid membaca al-Quran, menguasai perkara-perkara atas fardhu ain, dan pembentukan sahsiah. Walaupun kelas KAFA telah lama dilaksanakan, namun keberkesanannya masih lagi menimbulkan tanda tanya dalam kalangan ibubapa iaitu sejaухmana murid-murid KAFA dapat membaca Al-Quran dengan baik, mengamalkan ajaran Al-Quran dan tuntutan fardhu ain secara istiqamah serta membudayakan adab-adab Islam dalam kehidupan seharian. Sehubungan itu, kajian ini ingin mengenalpasti elemen-elemen pembangunan adab dan nilai-nilai kerohanian murid, bentuk program kerohanian yang dilaksanakan serta faktor-faktor yang menghalang keberkesanannya program KAFA dalam aspek pembangunan adab dan kerohanian murid-murid. Secara khusus, kajian ini menggunakan metod kajian kualitatif iaitu data-data kajian awal diperolehi dengan cara menganalisis dapatan-dapatan kajian lepas bagi membangunkan kerangka teori kajian ini. Dapatan awal kajian ini menunjukkan terdapat tiga faktor utama dalam menentukan keberkesanannya program pendidikan KAFA dalam kalangan murid-murid iaitu penekanan kepada aspek pembangunan adab dan nilai-nilai kerohanian, program kerohanian dilaksanakan secara konsisten serta komitmen para guru KAFA dalam membangunkan sahsiah murid-murid KAFA.

ARTICLE HISTORY

Received : 21st Nov. 2023
 Revised : 31st Dec. 2023
 Accepted : 01st Mar. 2024
 Published : 13th May 2024

KEYWORDS

Effectiveness
 KAFA education
 Development of manners
 Spirituality
 Fardhu Ain

KATA KUNCI

Keberkesanahan program
 Pendidikan KAFA
 Pembangunan adab
 Kerohanian murid
 Fardhu Ain

PENDAHULUAN

Perlaksanaan Program Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) merupakan inisiatif pihak kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam usaha membasmikan gejala buta al-Quran dan tidak beramal dengan perkara-

*CORRESPONDING AUTHOR | Nuruddin Zanki Hamzah | alzinki86@gmail.com

© 2024 The Author(s). Published by Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah Publishing. This is an open access article under the CC BY-NC 4.0 International license

perkara asas dalam fardhu ain dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Isu ini mula menjadi perhatian oleh Jawatankuasa Kabinet dengan kajian yang dibuat oleh Unit Permodalan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sekitar tahun 80an yang mendapati gejala tersebut sangat membimbangkan (Abu Bakar dan Che Noh, 2019). Oleh yang demikian ia menjadi faktor utama ke arah perlaksanaan program KAFA ini bermula pada tahun 1990 sehingga kini demi kemenjadian murid supaya dapat membaca al-Quran dengan baik dan cemerlang dunia serta akhirat.

Falsafah pengajiannya adalah satu usaha berterusan berdasarkan al-Quran dan Hadith berteraskan ajaran ahli sunnah wal jamaah untuk membentuk jenerasi *khairu ummah* yang bertanggungjawab membangun diri, keluarga, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Sehubungan itu falsafah ini dilihat seiring dengan apa yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dalam usaha untuk membentuk, membangun dan mengembangkan potensi individu ke arah pembangunan insan yang seimbang dan harmonis berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah (Hj. Ismail, 2017). Objektifnya pula menggariskan beberapa tumpuan penting bagi mencapai usaha kemenjadian ke arah muslim cetakan al-Quran, berilmu, beriman, beramal soleh dan berakhlik mulia (JAKIM, 2020).

Melangkah ke gerbang Pendidikan Abad Ke21 (PAK21) turut menjadi cabaran yang besar bagi Kurikulum KAFA dalam memastikan ia terus berperanan dalam mencapai objektif yang digariskan di era *i-Generation* ini. Oleh yang demikian, semua komponen dalam merealisasikan keberkesanannya kurikulum ini perlu berperanan proaktif dalam mewujudkan inisiatif, inovasi dan koreksi bersepada dari masa ke semasa terutama dalam usaha kemenjadian murid yang memiliki roh dan keperibadian yang tinggi.

PERMASALAHAN KAJIAN

Melihat kepada perkembangan sosial masyarakat dewasa kini, kepelbagaiannya jenis keruntuhan moral sedang menjalar dengan suburnya di tanah air kita. Lebih malang lagi apabila kanak-kanak turut terdedah dengan persekitaran tersebut. Persekutuan ini menjadi semakin luas melepas jangkauan masyarakat yang berada di sekeliling mereka menerusi teknologi massa yang semakin canggih seperti televisyen yang pelbagai pilihan saluran siaran dan rangkaian internet yang begitu luas capaiannya. Mereka memerhatikan di sekeliling mereka masyarakat yang berpakaian menjolok mata. Saban hari mereka melihat masyarakat yang semakin merosot pegangan terhadap agama di samping pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, yang sudah hilang keperibadian manusia dengan penipuan, pergaduhan, pencabulan, rompakan, pembunuhan dan pelbagai karenah lagi yang merungsingkan masyarakat (Sazali, 2010).

Situasi negatif ini dikenal pasti menerusi statistik Kontinjen Polis Johor pada Disember 2020 walaupun berlaku penurunan kes tangkapan pelajar sekolah di negeri Johor, namun indeks capaian jenayah (seperti direkodkan) masih menunjukkan peningkatan. Menurutnya tangkapan membabitkan pelajar sekolah dalam indeks jenayah bagi tahun 2018 adalah sebanyak 1,388 kes manakala 2019 mencatatkan sejumlah 1,230 kes. Sementara itu, dalam tempoh Januari hingga Oktober tahun 2020 adalah sebanyak 538 kes dilaporkan. Jenis kesalahan jenayah paling tinggi direkodkan adalah mangsa kes rogol, mencederakan orang, mencuri motosikal dan lain-lain kecurian (BH Online, Disember 2, 2020). Beliau turut menambah hampir 99% pelaku jenayah dan mangsa dalam kalangan pelajar sekolah adalah berusia lingkungan umur 13 hingga 18 tahun iaitu di peringkat sekolah menengah.

Apa yang menjadi perhatian penyelidik, bahawa kita semua sedia maklum sejak dari abad ke-19 lagi proses perlaksanaan pendidikan Islam di Johor khususnya jauh lebih mendahului berbanding negeri-negeri yang lain dalam sistem pengurusan pembangunan dan pentadbirannya. Keadaan ini menjadikan Johor sebuah tamadun yang dinamik sejak abad ke-19 pasca penjajahan Barat di Alam Melayu (Jasmi, 2015) dalam keadaan negeri-negeri lain pada ketika itu masih mencari identiti tersendiri dalam proses perlaksanaan pembangunan dan program pendidikan Islam mereka. Walaupun begitu, isu kebejatan moral dan jenayah khususnya bagi remaja yang berumur lingkungan seperti yang dinyatakan di atas menjadi tanda tanya apakah proses pembelajaran KAFA selama 6 tahun (bermula umur 7 hingga 12 tahun) yang mereka lalui, tidak mampu mencapai objektif kemenjadian murid menerusi aspek adab dan nilai kerohanian mereka?

Turut menjadi perhatian penyelidik melalui perangkaan yang dibuat oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti, bahawa terdapat peningkatan jumlah golongan homoseksual yang direkodkan bermula tahun 2013 iaitu sebanyak 173 000 orang dan meningkat sekali ganda kepada 310 000 orang pada tahun 2018 (Astro Awani, Oktober 29, 2018). Jaringan Melayu Malaysia (JMM) juga melaporkan terdapat sebanyak 21 laporan polis telah dibuat berkenaan dengan gejala homoseksual dan kegiatan seks luar tabii yang melibatkan pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah pada tahun 2011. Statistik ini amat membimbangkan dan dijangka akan bertambah buruk sekiranya perjuangan golongan homoseksual mendapat tempat di negara ini (Nur Nafhatun, 2023). Perilaku moral yang dangkal ini jelas menjadi perkara yang tidak lagi boleh dipandang remeh lebih-lebih lagi apabila ianya melibatkan pelajar yang akan memacu masa depan negara.

Tidak dinafikan pemerhatian semasa menerusi penggunaan dan pencapaian murid-murid terhadap Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK) dari tahun ke tahun sangat membimbangkan. Justeru ia seakan menggambarkan keberkesanannya Kurikulum KAFA yang disusun oleh pihak berwajib dalam memastikan kebolehupayaan murid-murid Tahun 1 sehingga Tahun 5 menguasai dengan baik tajuk-tajuk pembelajaran yang digariskan beserta objektif pembelajaran mengikut kesesuaian umur mereka. Pengkaji telah membuat imbasan menerusi ulasan umum Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar terhadap pencapaian keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA

(UPKK) bagi tahun 2022. Pencapaian 100 peratus lulus bagi matapelajaran Amali Solat, 99 peratus bagi matapelajaran al-Quran dan Penghayatan Cari Hidup Islam (PCHI), 88 peratus bagi matapelajaran Jawi dan Khat, 82 peratus bagi matapelajaran Adab dan melebihi pencapaian 75 peratus bagi matapelajaran Ulum Syariah, Sirah dan Lughatul Quran. Beliau menyatakan bahawa pencapaian tersebut menunjukkan kejayaan murid dalam menguasai ibadat solat, mengamalkan cara hidup Islam dan bacaan al-Quran dalam kehidupan sehari-hari (My Metro, Mac 9, 2023).

Terdapat persoalan apakah kurikulum KAFA memberi impak signifikan terhadap kemampuan para pelajar membaca Al-Quran dengan baik, mengamalkan ajaran Al-Quran dan tuntutan fardhu ain secara istiqamah serta membudayakan adab-adab Islam dalam kehidupan sehari-hari? Isu ini dibincangkan dalam kajian ini iaitu mengenai pasti elemen-elemen keberkesanan pembangunan adab dan nilai-nilai kerohanian murid dalam program KAFA.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini memfokuskan kepada subtopik apa-apa yang berkaitan dengan perlaksanaan program Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dari kajian-kajian lepas. Tindakan ini bagi mengambil beberapa info sokongan di samping melihat keperluan-keperluan yang belum disentuh pada kajian lepas berkaitan elemen-elemen keberkesanan pembangunan adab dan nilai-nilai kerohanian murid di dalam program KAFA. Terdapat beberapa elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam perlaksanaan program KAFA demi memastikan proses kemenjadian murid khususnya dalam isu pembangunan adab dan nilai-nilai kerohanian mereka dapat dicapai.

Kompetensi Guru

Di antara yang menjadi tunjang utama dalam menentukan keberkesanan program KAFA ini dalam mencapai objektif perlaksanaannya iaitu kompetensi guru tersebut. Pelbagai kajian menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) KAFA masih boleh dipersoalkan terutama melibatkan strategi dan kaedah pengajaran, bahan bantu mengajar dan profesionalisme keguruan. Pendekatan, strategi, dan kaedah pengajaran guru KAFA haruslah dijalankan dengan bercirikan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan berpusatkan pelajar. Persediaan guru dalam mengaplikasi konsep pembelajaran abad ke-21 (PAK21) bakal melahirkan generasi yang kompeten dan memenuhi cabaran pendidikan semasa pada masa akan datang. Namun begitu berdasarkan perolehan daripada kajian yang dilaksanakan di Seremban, penerimaan ciri-ciri PAK21 dalam kalangan guru Pendidikan Islam Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan (JAINS) masih pada tahap sederhana dan kurang. Hal ini menggambarkan kemahiran yang dimiliki oleh guru untuk menerapkan pedagogi abad ke-21 masih perlu ditingkatkan.

Komunikasi berkesan merupakan elemen utama dalam mewujudkan sikap saling membantu antara murid, memupuk nilai akhlak mulia dan menjalinkan hubungan silaturrahim bagi melahirkan komuniti yang baik (Syed Abdullah et al., 2020). Turut diberi penekanan terhadap personaliti guru KAFA sebagai sumber rujukan dan tauladan para murid dalam proses penghayatan adab dan nilai murni mereka. Ini kerana personaliti Guru KAFA mempunyai pengaruh dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dan sentiasa menjadi perhatian murid-murid. Penampilan Guru KAFA yang rajin, bertanggungjawab, sabar, ceria, kasih sayang dan aktif akan memberi kesan positif dalam Pendidikan KAFA. Pendekatan pengajaran yang efisyen dan kreatif pula akan meningkatkan lagi keinginan murid untuk terus fokus dalam sesi pembelajaran yang dijalankan. Personaliti Guru KAFA yang berakhlaq mulia dapat dilihat sebagai *role model* atau contoh ikutan yang baik kepada murid, ibubapa dan masyarakat (Abu Bakar & Che Noh, 2019).

Kompetensi guru KAFA memainkan peranan penting dalam mempengaruhi persepsi ibubapa terhadap kepentingan menghantar anak jagaan mereka ke institusi KAFA pada hari ini, selain daripada melalui program Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain (j-QAF) di Sekolah Kebangsaan (SK). Amat mendukacitakan jika profesionalisma perguruan KAFA masih di tahap sederhana dan tidak seiring dengan konsep PAK21 (Hj Taib, A. H Hassan, 2019). Cara guru melaksanakan proses pengajaran mempengaruhi hasil pembelajaran PAK21. Menguasai standard kandungan dan standard pembelajaran, pengetahuan sedia ada murid, menyediakan sumber rujukan dan memilih kombinasi strategi dan kemahiran yang bersesuaian perlu diberi penekanan oleh guru. Guru seharusnya memiliki kompetensi yang tinggi dalam merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan pendidikan abad ke-21 menerusi amalan pedagogi yang berkesan, menarik dan interaktif. Tambahan pula, pembelajaran perlu dijalankan secara bermakna melalui pendekatan '*learning by doing*' di mana murid dirangsang berfikir dan membina kefahaman mereka (Mohd Rusdin, N. Ali, 2019).

Terdapat keperluan dalam kalangan guru-guru KAFA untuk menyampaikan kepada para ibubapa penjaga terhadap perkembangan potensi pengetahuan dan pengamalan agama dalam kehidupan sehari-hari anak-anak mereka. Keadaan ini tidak akan berjaya melainkan satu anjakan paradigma oleh guru-guru KAFA dalam meningkatkan mutu profesionalisma perguruan. Penampilan yang dimaksudkan adalah bukan sahaja guru yang bertanggungjawab untuk menyampaikan kandungan ilmu semata-mata, malahan mencorak keperluan dan keperibadian murid sebagai persediaan kehidupan yang seimbang di dunia dan akhirat. Jika tidak ia akan memberi implikasi negatif terhadap peranan institusi KAFA pada masa kini dalam proses kemenjadian murid.

Inovasi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) KAFA

Fasa Pandemik Covid-19 memberi implikasi besar terhadap proses pembelajaran KAFA di sepanjang tempoh proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Namun ia dilihat sebagai satu hikmah besar dalam anjakan paradigma

guru-guru KAFA untuk menginovasikan proses PdPR tersebut agar ia seiring dengan kehendak semasa terutamanya melalui menggunakan aplikasi atas talian. Rentetan penyebaran Covid-19, menuntut usaha dari semua pihak bagi menyediakan keperluan pendidikan al-Quran dan fardu ‘ain kepada semua pelajar. Dengan perkembangan teknologi semasa, akses pendidikan Al-Quran dan fardu ain lebih mudah berlaku, namun kekangan semasa seperti kekurangan infrastruktur, kemahiran teknologi, kewangan dan masa perlu diatasi dengan sebaiknya agar sesi PdPR dapat berjalan dengan berkesan walaupun secara atas talian (Moidin et al., 2022). Secara tidak langsung pengalaman yang diperolehi guru KAFA sepanjang proses PdPR itu menjadikan mereka kini tidak kekok untuk menggunakan aplikasi teknologi khususnya sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) mereka.

Menyebut tentang isu BBM ini, kita dapat ada beberapa inisiatif daripada pelbagai pihak dalam usaha meningkatkan penggunaannya dalam aktiviti pembelajaran KAFA dengan memperkenalkan Perisian Pendidikan e-UPKK. Visualisasi maklumat dalam proses pengajaran dan pembelajaran KAFA telah memberikan senario baharu dalam memupuk minat dan keseronokan belajar. Melalui pendekatan pembelajaran berteknologi dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) hakikatnya banyak memberi peluang dan kebebasan kepada guru dan pelajar.

Proses pembelajaran teradun iaitu menggabungkan antara gaya moden dan tradisional ini hanya akan berlaku sekiranya kesanggupan guru untuk berubah iaitu dengan kesediaan diri untuk mempersiapkan kelas dengan komputer, internet dan projektor. Antara lain juga ialah guru hendaklah sentiasa mempersiapkan diri dengan kemahiran teknologi berkomputer bagi memastikan perjalanan kelas berjalan lancar dan tersusun. Dengan terhasilnya perisian e-UPKK dan akan diikuti dengan koswer yang lain di masa akan datang akan memberi kesan positif sekaligus boleh meningkatkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan UPKK (Zulfiqar et al., 2018).

Usaha memupuk kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid agak sukar kerana murid-murid mempunyai perbezaan dari segi pengetahuan sedia ada, minat, motivasi dan gaya pembelajaran. Oleh yang demikian menjadi tanggungjawab guru untuk mengambil inisiatif dalam mengekalkan minat dan motivasi murid dengan mengaplikasikan pelbagai teknik dan pendekatan yang bermakna dalam pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan pengajaran yang berkesan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan murid menguasai pengetahuan dan kemahiran yang mereka perlukan (Mohd Rusdin, N. Ali, 2019).

Penghayatan Cara Hidup Islam dan Amalan Kerohanian Harian

Usaha melahirkan generasi Islam yang solehah menjadi tanggungjawab utama guru-guru KAFA. Tidak hanya tertumpu kepada tugas untuk menghabiskan silibus pembelajaran semata, namun tugas mentarbiyyah akhlak dan roh anak-anak didik ini juga perlu dititik beratkan bagi hasrat itu. Islam adalah agama yang menitik beratkan perkara berkenaan pembinaan dan pembentukan akhlak dan keperibadian mulia sama ada akhlak untuk diri bahkan kepada masyarakat. Akhlak membina diri insan agar menjadi seorang yang tunduk dan patuh kepada perintah dan larangan Allah s.w.t. Di samping memiliki sifat dalaman yang suci dari segi peribadi mahupun personaliti yang dipamerkan (Nurul Osman & Siti Nabilah, 2022). Di samping itu perlu diberi perhatian terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi nilai kerohanian dan akhlak murid-murid KAFA ini.

Faktor pertama adalah berkaitan dengan personaliti guru KAFA itu sendiri. Guru Pendidikan Islam Kelas al-Quran dan Fardu Ain (GPI KAFA) adalah merupakan role model yang dijadikan contoh teladan oleh murid KAFA. Aspek komunikasi dan personaliti mereka akan menjadi contoh teladan kepada rakan sekerja dan murid ketika berada di premis KAFA. Guru Pendidikan Islam (GPI) KAFA perlu memahami kaedah serta teknik berkesan dalam menyampaikan pengajaran kepada murid KAFA agar tidak memberi kesan negatif terhadap diri mereka (Abu Bakar, M. Che Noh, 2022). Manakala faktor kedua adalah penguasaan terhadap bacaan Al-Quran dan amalan membacanya. Seperti yang diketahui, al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad melalui perantaraannya Malaikat Jibril Alaihi Salam (A.S). Tujuan al-Quran diturunkan adalah dengan matlamat untuk membersihkan jiwa, berdakwah dan menyeru manusia ke arah kebaikan (Musaddin dan Zulkifli, 2023).

Faktor lain yang turut mempengaruhi kemenjadian murid-murid KAFA juga adalah pengamalan ibadah solat dalam kehidupan mereka. Ibadah solat mempunyai kaitan yang rapat dengan akhlak kerana menerusi perlaksanaannya yang betul akan melahirkan tingkah laku manusia yang baik, berdisiplin, bersopan dan berakhhlak mulia. Seorang hamba harus menjadikan solat sebagai pedoman hidupnya, baik lahir mahupun batin yang mana hati, lisan dan perbuatannya menyatu dalam solat yang dikerjakannya (Saerah et al., 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif. Data kajian diperoleh melalui kajian kepustakaan daripada tesis, jurnal dan portal akhbar. Kajian kepustakaan ini adalah proses menganalisis maklumat menggunakan data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Ia adalah data yang pada awalnya dikumpul pada masa lepas untuk tujuan lain tetapi ia sesuai digunakan bagi menjawab persoalan kajian yang dijalankan oleh penyelidik masa kini (Yusof, R. 2004). Proses analisis ini dilakukan bertujuan menjawab persoalan kajian terhadap apakah elemen utama sebagai penentu keberkesan pembangunan adab dan nilai-nilai kerohanian murid dalam program KAFA.

Kaedah analisis data terhadap kajian ini dilakukan secara analisis dokumen seterusnya menginterpretasi data-data tersebut sebagai dapatan kajian. Kaedah ini dipilih bagi mendapatkan seberapa banyak maklumat dan data yang dilihat signifikan oleh penyelidik dalam membina suatu kerangka konsep kajian bagi memenuhi objektifnya.

Persoalan dikemukakan perlu dijawab dengan merujuk realiti perlaksanaan KAFA di daerah Kuantan. Memungkinkan dapatan kajian yang agak menarik jika konteks kajian menggunakan reka bentuk kajian penerokaan (*exploratory research*) yang menggabungkan kajian kualitatif dan kuantitatif. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah campuran (*mixed methods research*). Kelebihan kaedah ini ialah dapat memberikan data yang lebih kukuh memandangkan terdapat kombinasi beberapa metode dalam mengkaji fenomena atau program yang sama (Ananda Kumar Palaniappan, 2009).

DAPATAN KAJIAN

Data-data kualitatif telah dianalisis dari kajian-kajian lepas dan penyelidik mendapati tiga elemen utama sebagai penentu keberkesanan pembangunan adab dan nilai-nilai kerohanian murid dalam program KAFA. Elemen yang pertama adalah Kompetensi Guru KAFA dalam menggalas tanggungjawab bukan sahaja yang melibatkan proses PdPC malahan lebih jauh dari itu adalah tanggungjawab menanamkan nilai kerohanian yang tinggi di samping mendidik mereka supaya berakhhlak mulia. Keadaan ini mencerminkan kewibawaan seorang Guru KAFA yang diperlukan dalam masyarakat kini.

Elemen kedua adalah Inovasi Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) KAFA. Ia menuntut kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan kemandirian kurikulum KAFA di tanah air ini khususnya pihak Majlis Agama Islam Negeri, Penyelia KAFA Daerah, guru besar dan para guru supaya mengambil kesedaran mengimarahkan usaha inovasi pembelajaran KAFA di sekolah agar konsep penyampaian sehalal berterusan di sekolah. Sebagaimana yang kita maklum bahawa setiap mata pelajaran bagi kurikulum KAFA memiliki objektif pembelajarannya yang tersendiri. Sudah semestinya peranan guru dan sekolah bagi memastikan objektif pembelajaran bagi setiap mata pelajaran itu perlu dicapai khususnya yang berkaitan dengan akidah, ibadah dan akhlak. Keadaan tidak dapat dicapai jika konsep pembelajaran di dalam kelas KAFA kekal dengan konsep yang membosankan dan tidak mendapat reaksi positif murid untuk mereka ingin belajar dan ingin tahu.

Elemen yang terakhir adalah Penghayatan Cara Hidup Islam dan Amalan Kerohanian Harian. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa pengertian Ihsan yang diberi erti oleh Nabi Muhammad sebagai menjawab kepada pertanyaan Jibril A.S ('Abdul Rahman, M. 2008) memberi makna tersirat bahawa perasaan Ihsan itu tidak akan tercapai melainkan apabila hati seseorang itu benar-benar ia mengenali Allah. Sesungguhnya hakikat kejadian manusia ini berasaskan tiga kekuatan iaitu kekuatan tubuh badan, roh dan akal. Masing-masing memiliki tuntutan yang tersendiri. Tubuh badan menuntut keperluan asasi dalam kehidupan. Manakala akal pula menuntut keperluan terhadap ilmu pengetahuan, renungan, pengamatan, menganalisis maklumat. Di samping itu juga tubuh badan dan roh sangat diperlukan bagi melunasi tuntutan-tuntutan tersebut. Manakala roh pula menuntut keperluan ibadah demi mendambakan petunjuk Allah, merasai kewujudan-Nya dalam kehidupan (Ihsan, M. 1998).

Berdasarkan kepada kupasan tersebut penyelidik meyakini bahawa penerapan struktur asas agama dalam kehidupan seharian anak-anak ini sebelum mereka meningkat usia remaja dan dewasa, perlulah bermula sejak kecil lagi. Perkara-perkara asas fardu ain, aqidah dan kepercayaan seperti mengenal Allah dan Rasul melalui sifat-sifatnya, mendirikan solat, membaca, memahami Al-Quran dan mempraktikkannya hendaklah dilatih lebih awal kerana melentur buluh biarlah daripada rebungnya (Wan Ismail et al., 2022).

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian adalah menjadi kewajipan yang mesti dilaksanakan oleh mana-mana institusi KAFA terhadap amalan-amalan yang membentuk kerohanian murid-murid berdasarkan peluang dan fasiliti yang dimiliki. Ia termasuklah perlaksanaan solat berjemaah, perlaksanaan Solat Sunat Dhuha (KAFA sesi pagi), perhimpunan zikir harian pagi atau petang, puasa sunat, amalan bersedekah, kem Penghayatan Cara Hidup Islam dan apa sahaja ibadah-ibadah yang sesuai dilaksanakan sebagai makanan harian roh bagi murid-murid KAFA.

Merujuk kepada tiga elemen dinyatakan seperti elemen keberkesanan pembangunan adab dan nilai-nilai kerohanian murid dalam program KAFA, maka ia menjadi sebab kepada cadangan kajian lanjutan yang berasaskan kepada tiga elemen ini dalam merungkai persoalan berkaitan apakah bentuk pengisian kerohanian yang sering dilaksanakan di institusi KAFA dalam usaha memantapkan nilai kerohanian dan adab murid-murid, adakah wujud faktor-faktor yang menghalang keberkesanan program tarbiyyah dan kerohanian di institusi KAFA ini, apakah wujud piawaian tertentu dalam mengenal pasti perkembangan guru KAFA.

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada para pensyarah Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah sumbangan dalam kajian ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang kecenderungan dalam kajian ini yang membawa konflik kepentingan.

SUMBANGAN KAJIAN

Nuruddin Zanki bin Hamzah: Penyataan kajian dan tinjauan literatur; Metodologi kajian dan kutipan data; Analisis data dan perbincangan; Draf akhir

Atikah Ade binti Hamzah: Penyataan kajian dan tinjauan literatur; Analisis data dan perbincangan

Mohd Suhardi boleh Mat Jusoh: Penyataan kajian dan tinjauan literatur; Analisis data dan perbincangan

RUJUKAN

- Abu Bakar, M. Che Noh, M. A. (2022). Kepentingan kemahiran komunikasi dan personaliti guru Pendidikan Islam Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (GPI KAFA) di Malaysia. *Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 8(2), 168–178.
- Abu Bakar, M., dan Che Noh, M. A. (2019). Trait personaliti guru Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) dalam pembentukan akhlak murid. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia. 22–31.
- Hj. Ismail, S. (2017). Pembangunan insan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. *Journal of Human Capital Development*, 8(2), 83–100.
- Hj Taib, A. H Hassan, H. (2019). Tahap keyakinan penjaga terhadap aktiviti pembelajaran dalam membimbing pelajar untuk melahirkan generasi Al-Quran. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(7), 20–25.
- JAKIM, B. P. (2020). Kurikulum Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) 2.0. *Jurnal Penelitian Pendidikan Guru Sekolah Dasar*. 6(August), 128.
- Jasmi, K. A. (2015). Perkembangan Pendidikan Islam dan arah tujuanya dalam memperkasakan peradaban Melayu Johor. *Persidangan Tamadun Melayu Johor: Johor Ke Arah Pusat Tamadun Melayu Serantau*. 11-13 Nov. 2015. Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, Johor Bahru anjuran Yayasan Warisan Johor. Skudai, Johor, Malaysia: Penerbit UTM Press, p. 1-8.
- Mohd Rusdin, N. Ali, S. R. (2019). Amalan dan cabaran pelaksanaan pembelajaran abad ke-21. *Proceedings of The International Conference on Islamic and Technology Management*, Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE): Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia, 1-8.
- Moidin, S., Asmadi, M., Munirah, A., dan Abdullah, M. (2022). Cabaran pengurusan pembelajaran atas talian Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) fasa pandemik COVID-19: Kajian di KAFA Integrasi Nahdah Al Islam. *Journal of Fatwa Management and Research*. 27(2), 10–26.
- Musaddin, N. H., dan Zulkifli, H. (2023). Kaedah-kaedah pengajaran guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dalam mengajar Tilawah al-Quran [Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 2023.
- Nazatul Nadia, A.I. (2023). Homoseksual dalam kalangan pelajar sekolah – Apakah puncanya? *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities*, 1(1), 48–56.
- Nurul Osman, S., dan Siti Nabilah, C. S. (2022). Gaya pengajaran guru, pencapaian kurikulum Al-Syariah Bersepadu Dini dan hubungannya dengan akhlak pelajar. *International Conference on Business Studies and Education*. ICBE Publication, 7, 104–113.
- Saerah, K., Ayob, A., Saladin, M. R., dan Ahmad, N. (2019). Analisis hubungan solat dengan akhlak murid Melayu Tahun Enam Sekolah Rendah di Daerah Jempol. *Journal of Islamic, Social, Economic and Development*. 4(21), 58–86.
- Sazali, H. (2010). *Pendidikan awal kanak-kanak menurut Al-Qur'an: Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Bandar Triang, Pahang*. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia: 426.
- Syed Abdullah, S., Yahya, S., dan Misni, M. (2020). Tahap pengetahuan dan kesediaan pembelajaran abad ke-21 dalam kalangan guru KAFA di daerah Seremban. *Jurnal Penyelidikan Teknokrat II*, 12(21), 42–58.
- Wan Ismail, W. A. F., et al. (2022). Issue of moral degradation among Muslim adolescents in Malaysia: Issues, challenges and suggested solutions: Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47–61.
- Zulfiqar, A., Abdul, S., Abdul, M., Abd, N., Hasbi, M., dan Rahman, A. (2018). Visualisasi maklumat berkomputer dalam memperkasakan pengajaran Kelas Agama dan Fardhu Ain (KAFA) JAKIM di peringkat sekolah rendah. 4(2001), 79–86.